



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH**

**PENDIDIKAN MUZIK
MENENGAH ATAS
TINGKATAN IV – V
(Semakan)**

2003



Pusat Perkembangan Kurikulum,
Kementerian Pelajaran Malaysia

PRA KATA

Kurikulum Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dibina selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berketrampilan serta berupaya mencapai kesejahteraan diri. Bagi mencapai hasrat itu, kurikulum ini memberi tumpuan kepada usaha membina dan memperkembang potensi pelajar dari segi kreativiti dan daya apresiasi yang berkaitan dengan estetik muzik.

Sukatan pelajaran yang disediakan mengambil kira perkembangan domain kognitif dan afektif pelajar. Untuk membina daya apresiasi murid, sukatan ini menekankan penguasaan ilmu pengetahuan tentang muzik serta teknik menyanyi dan bermain instrumen muzik. Di samping itu, kreativiti murid dijana melalui aktiviti berkarya.

Seterusnya, mata pelajaran ini memainkan peranan memupuk semangat jati diri dan cintakan negara dengan cara menyediakan ruang untuk murid mengalami pelbagai jenis muzik tradisional tempatan sama ada secara amali atau melalui aktiviti apresiasi. Pendedahan kepada unsur budaya dalam seni muzik tempatan diharap dapat menyedarkan pelajar tentang sumbangan seni muzik terhadap warisan budaya dan identiti bangsa.

Adalah diharapkan guru-guru menghayati semangat sukatan pelajaran ini dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah agar tercapai matlamat dan objektif kurikulum mata pelajaran ini.

Pelbagai pihak, sama ada secara individu atau mewakili badan-badan dari dalam dan luar Kementerian Pelajaran telah terlibat dalam merangka dan menyediakan kurikulum ini. Kementerian Pelajaran Malaysia mengucapkan berbilang terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan buah fikiran dan kepakaran setiap pihak dalam usaha menghasilkan sukatan pelajaran ini.



(TAN SRI ABDUL RAFIE BIN MAHAT)

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia.

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian keluarga, masyarakat dan negara.

(Akta Pendidikan 1996)

PENDAHULUAN

Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik bagi menengah atas mengandungi program pembelajaran untuk dua tahun persekolahan iaitu daripada Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5. Sukatan ini digubal untuk memberi peluang pelajar mempertingkatkan ilmu pengetahuan tentang muzik, ketrampilan menyanyi dan bermain muzik serta kesedaran estetik mereka terhadap seni muzik.

Penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran muzikal adalah penting untuk membantu pelajar memperkembang daya apresiasi dan ekspresi kreatif mereka. Bagi maksud itu, sukatan pelajaran ini menggariskan dengan spesifik ilmu pengetahuan muzik yang perlu dikuasai pada peringkat ini. Selain itu, pelajar juga perlu mengetahui teknik menyanyi dan bermain muzik, dan berketrampilan dalam perkara-perkara tersebut. Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab guru untuk memastikan pelajar memahami konsep-konsep muzik dan aktif melibatkan diri dalam pelbagai persembahan muzik.

Sukatan ini juga menekankan kemahiran muzikal yang merangkumi kemahiran menyanyi dan bermain muzik. Selain berpeluang bermain pelbagai instrumen muzik secara am, pelajar diberi peluang mengkhususkan satu instrumen muzik pilihan mereka dan melibatkan diri dalam persembahan secara solo dan ensemble. Aktiviti ini menggalakkan pelajar membina kemahiran *interpersonal* dan *intrapersonal* dan pelajar perlu mempunyai disiplin diri yang tinggi untuk berkertampilan dalam persembahan muzik. Oleh yang demikian kegiatan amali muzik perlu dititik beratkan bagi memupuk nilai-nilai diri yang positif.

Di samping memperoleh pengetahuan dan membina ketrampilan, sukatan ini menggariskan aktiviti berkarya dan mengapresiasi muzik. Pelajar harus mendapat peluang menjana idea kreatif mereka untuk mereka cipta karya muzik. Demikian juga, mereka harus berpeluang menyatakan perasaan dan pendapat mereka dalam menilai bahan muzik yang didengar dan ditonton.

Adalah diharapkan pendedahan dan pengalaman yang diperolehi pelajar daripada sukatan pelajaran ini dapat menyediakan mereka menyertai kegiatan muzik sebagai sebahagian daripada program rekreasi dan kesenggangan semasa dan selepas persekolahan ke arah membina masyarakat yang harmonis. Selain itu, pelajar dapat membina keyakinan diri mereka dalam bidang muzik dan membuat pilihan kerjaya berasaskan minat, bakat dan potensi mereka dalam bidang ini.

MATLAMAT

Kurikulum Pendidikan Muzik menengah atas bermatlamat melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman muzikal yang membolehkan mereka menikmati dan menghargai muzik, menyatakan ekspresi diri dan meneroka potensi diri dalam penciptaan dan persembahan muzik ke arah melahirkan insan yang seimbang, kreatif, berdisiplin dan harmonis.

OBJEKTIF

Setelah mengikuti pelajaran Pendidikan Muzik di peringkat menengah atas, pelajar

1. mempunyai pengetahuan dan kefahaman konsep muzik dan terminologi muzik serta peraturan yang berkaitan dengannya
2. mempunyai pengetahuan teknik nyanyian dan permainan alat muzik konvensional dan tradisional
3. berkebolehan menyanyi dan bermain muzik dengan sensitiviti yang tinggi terhadap estetik muzik
4. berkebolehan menyatakan persepsi, perasaan dan pendapat berhubung dengan muzik yang didengar dan yang ditonton
5. berkebolehan menghasilkan gubahan dan karya muzik yang autentik
6. berkebolehan menganalisis, menilai dan berbicara hasil karya dan persembahan muzik
7. mempunyai pengetahuan tentang muzik tradisional masyarakat Malaysia dan muzik daripada negara lain
8. mempunyai semangat kerjasama, jati diri dan patriotisme.

ORGANISASI KANDUNGAN

Kandungan sukatan ini disusun mengikut aspek seperti berikut:

- Aspek 1: Persepsi Estetik** (Pengetahuan teori dan terminologi muzik).
- Aspek 2: Pengalaman Muzikal** (Kemahiran amali muzik vokal dan instrumental).
- Aspek 3: Ekspresi Kreatif** (Berkarya dan mengimprovisasi).
- Aspek 4: Penghargaan Estetik** (Penghayatan karya dan persembahan muzik).

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Sungguhpun sukatan pelajaran ini membentangkan isi kandungan pelajaran dalam empat aspek berasingan, susunan aspek-aspek tersebut bukanlah mengikut hirarki yang wajib dituruti. Aspek-aspek berkenaan adalah *inter-supportive* dalam proses menerima maklumat, mengekalkannya dan mengguna maklumat dalam penghasilan produk. Oleh yang demikian pelaksanaan sebenarnya adalah secara integratif.

Fokus pengajaran bukanlah kepada sesuatu aspek tertentu tetapi kepada *output*. Misalnya, pengetahuan tentang elemen muzik dan pengalaman persembahan merupakan bahan input kepada minda pelajar. Kedua-dua faktor ini diproses melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran yang akan menghasilkan produk yang dapat dilihat dalam bentuk seperti persembahan, ciptaan lagu, komen dan laporan.

Pembelajaran konsep muzik sebaik-baiknya hendaklah dalam konteks aplikasinya dalam lagu. Instrumen seperti kibod elektronik dan piano merupakan mod rujukan yang dianjurkan bagi mempelajari konsep muzik secara amali.

Seni muzik adalah berkaitan dengan bunyi. Oleh yang demikian, mendengar adalah kemahiran asas yang perlu dibina dan ditingkatkan di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti mendengar secara aktif hendaklah menjadi aktiviti tunggal kepada penguasaan pengetahuan muzik dan pembinaan kemahiran muzik. Dalam usaha merancang pengajaran dan pembelajaran guru-guru hendaklah mengambil kira perkara-perkara seperti kemahiran berfikir, kemahiran belajar, pembelajaran masteri, teori kecerdasan pelbagai, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran akses sendiri, teori konstruktivisme dan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi/*ICT*.

PENERAPAN NILAI MURNI

Sebagai mata pelajaran untuk membina insan yang berakhlak mulia dan bertanggung jawab, ke arah mencapai kesejahteraan diri dan seterusnya menyumbang kepada kemakmuran negara, Pendidikan Muzik KBSM turut menerapkan nilai-nilai positif yang membina sahsiah pelajar. Aktiviti-aktiviti muzikal, sama ada secara solo atau berkumpulan memerlukan pelajar yang mempunyai disiplin diri, kecekalan dan semangat mencuba yang tinggi. Pelajar harus bertanggung jawab kepada kumpulan dan bekerjasama dalam menghasilkan hasil muzik yang berkualiti. Di samping itu, penglibatan pelajar secara aktif dalam permainan muzik tradisional dharap dapat memupuk semangat patriotisme dan saling hormat menghormati antara kaum di kalangan pelajar. Pada amnya, nilai-nilai murni, nilai budaya dan patriotisme hendaklah diberi penegasan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik. Guru-guru hendaklah sentiasa peka tentang hal ini dan mengambil kira secara terancang unsur-unsur nilai positif yang dapat diterapkan dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini Pendidikan Muzik.

PENILAIAN

Pelajar perlu ditaksir untuk mengetahui kadar penerimaan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan penguasaan kemahiran muzik mereka. Perkara ini memerlukan aktiviti pentaksiran yang terancang yang dapat dilakukan dalam bentuk penilaian formatif dan sumatif. Kedua-dua jenis penilaian tersebut perlu dilaksanakan bagi membantu pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ke arah mencapai tahap pembelajaran yang cemerlang. Petunjuk pencapaian pelajar haruslah dengan eviden yang konkrit supaya tiada keraguan dalam menyatakan tahap pencapaian pelajar dan guru mempunyai landasan yang kukuh untuk melanjutkan aktiviti pembelajaran. Bagi tujuan itu guru perlu merancang aktiviti penilaian dengan teliti bagi memastikan pentaksiran yang relevan dan menepati tujuan.

KANDUNGAN

ASPEK 1 : PERSEPSI ESTETIK

Mengenalpasti, memahami dan menanggapi idea yang berkaitan dengan elemen muzik. Mempraktikkan dan mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman tersebut dalam aktiviti membaca, menulis, mereka cipta dan mengapresiasi muzik.

1.1 KONSEP MUZIK

1.1.1 Irama

(a) Meter

- ◆ Jenis meter
 - meter lazim
 - meter tak lazim
 - polimeter

(b) Corak Irama

- ◆ Elemen penyumbang dalam corak irama
 - Nilai not dan tanda rehat
 - not *breve*
 - *duplet* dan *triplet*
 - Titik berganda pada not
 - *augmentation* dan *diminution*
 - Tekanan dan sinkopasi
 - Anakrusis

1.1.2 Melodi

(a) Pic, Skel dan Nada

- ◆ Pic
 - *Range* dan *tessitura*
 - Ton bukan harmonik
 - Motif dan frasa

- ◆ Skel¹
 - Binaan skel diatonik
 - Major
 - Minor harmonik
 - Minor melodik
 - Binaan skel kromatik
 - Binaan skel Pentatonik pada F dan G
- ◆ Nada
 - Perubahan nada
 - *Transposition*
 - *Tonicisation*

(b) Jeda

- ◆ Binaan jeda dan pembalikannya
 - Jeda major, minor, perfek, *augmented* dan *diminished*

(c) Ornamen

- *Acciaccatura*
- *Trill*
- *Mordent*
- *Turn*
- *Appoggiatura*

1.1.3 Harmoni

(a) Kord/Triad dan tonaliti

- ◆ Binaan triad tonik major dan minor dalam:
 - kedudukan perdu
 - pembalikan pertama
 - pembalikan kedua
- ◆ Penggandaan not bagi kord/triad dalam harmoni empat suara bagi kord/triad
 - kedudukan perdu
 - pembalikan pertama
 - pembalikan kedua

(¹) Skel sehingga 4 syap dan 4 flet

- ◆ Klasifikasi kord
 - Kord primer
 - Kord sekunder
 - ◆ Kualiti kord² berdasarkan kedudukannya pada skel diatonik
 - Skel Major
 - Skel Minor harmonik
 - Skel Minor melodik
- (b) Pergerakan kord dan kaden
- ◆ Pergerakan kord primer dan sekunder dalam nada
 - Major
 - Minor harmonik
 - ◆ Kaden
 - Kaden Plagal
 - Kaden Autentik
 - Kaden Melencong
 - *Half-cadence*

1.1.4 Tekstur

- (a) Klasifikasi tekstur lagu³
- ◆ Sifat lagu dalam tekstur:
 - Monofoni
 - Homofoni
 - Polifoni
 - Heterofoni

1.1.5 Bentuk

- (a) Binaan lagu dalam bentuk-bentuk berikut
- Binari
 - Ternari
 - Rondo
 - Strofik
 - *Through Composed*
- (b) Kaedah-kaedah dalam reka bentuk lagu
- Ulangan
 - Kontras
 - Variasi
 - Sekuen
 - Imitasi

⁽²⁾ Scale Degrees

⁽³⁾ Karya muzik vokal dan intrumental.

1.1.6 Ekspresi

(a) Dinamiks

- *Piano* (*p*)
- *Forte* (*f*)
- *Forte piano* (*fp*)
- *Sforzando* (*sf/ sfz*)
- *Mezzopiano* (*mp*)
- *Mezzoforte* (*mf*)
- *Pianissimo* (*pp*)
- *Fortissimo* (*ff*)
- *Crescendo*
- *Decrescendo*
- *Piu crescendo*
- *Piu decrescendo*
- *Diminuendo* (*dim.*)

(b) Tempo

- *Andantino*
- *Larghetto*
- *Allegretto*
- *Sostenuto*
- *Ritenuato*
- *Vivace*
- *Andante*
- *Allegro*
- *Moderato*
- *Adagio*
- *Largo*
- *Presto*
- *Lento*

1.2 KONVENSI PENULISAN MUZIK

1.2.1 Notasi dan Kaligrafi

(a) Notasi Konvensional

- ◆ Membaca dan menotasi dengan tanda isyarat, nilai not dan tanda rehat konvensional sehingga melebihi dua garis lejer ke atas dan ke bawah baluk dalam klef trebel, alto, tenor dan bes.

(b) Notasi Tak Konvensional

- ◆ Notasi grafik

1.2.2 Tanda Isyarat dan Terminologi Muzik

- ◆ Membaca dan menulis tanda-tanda isyarat dan terminologi seperti berikut:

Subito

Sempre

Glissando

Vibrato

Maestoso

Ritardando

Legato

Tutti

Soli

Ad libitum (ad. Lib.)

Fine

Da Capo (D.C.)


Dal segno (D.S.)


Duplet


Triplet

Coda 


Fermata 

Segno 

Klef Trebel 


Klef bes 


Klef Alto 

Klef Tenor 


Common Time 

Cut Time 


Staccato 

Tekanan 

Rehat 1 bar 

Ulang sama 

Maelzel's Metronome (M.M. ♩ = 100)

Tanda kromat 


Tanda Ulangan 

Tanda penamat 

Harkat 

Kaitan 

Akhiran 1, 2 

Tanda Frasa 

ASPEK 2: PENGALAMAN MUZIKAL

Mempertingkatkan kemahiran menyanyi dan bermain instrumen muzik secara solo dan ensembel dengan mengamalkan teknik yang betul melalui aktiviti nyanyian dan persembahan muzik instrumental yang membolehkan pelajar menikmati, mengalami dan menilai persembahan muzik serta mengamalkan nilai-nilai murni.

2.1 KEMAHIRAN NYANYIAN

2.1.1 Pengetahuan Teknik dan Kemahiran Menyanyi

- ◆ Mengetahui dan membina teknik menyanyi berikut:
 - Postur
 - Pernafasan
 - Sebutan
 - Artikulasi
 - Ekspresi
 - Penghasilan ton (*register*)
 - Memfrasa

- ◆ Membina kemahiran menyanyi

Kemahiran Individu

- Menyanyi pelbagai jenis lagu⁴
- Menyanyikan skel ; jeda ; arpeggio triad primer menaik dan menurun
- Menyanyikan semula keratan lagu yang didengarkan
- Menyanyi secara bacaan serta merta mengikut skor muzik

Kemahiran ensembel⁵

- Menyanyi dalam ensembel vokal secara unison
- Menyanyi dalam ensembel vokal secara berharmoni dalam lapisan suara seperti soprano, alto, tenor dan bes.

(⁴) Lagu-lagu patriotik/rakyat/nasyid/masyarakat dunia/popular semasa dan *evergreen*.

(⁵) Ensembel vokal seperti koir dan nasyid.

2.2 KEMAHIRAN MUZIK INSTRUMENTAL

2.2.1 Kemahiran Bermain Alat Muzik Konvensional

- ◆ Mengetahui teknik bermain **satu** alat muzik daripada senarai berikut:
 - Kibod elektronik
 - *Pianoforte*
 - Alat tiup bras
 - Alat tiup kayu

- Gitar (*folk*)
- Violin
- Dram getar
- Xilofon

(Rujuk LAMPIRAN A)

◆ Membina Kemahiran Instrumental

Kemahiran individu

- Memainkan skel ; jeda ; kord primer dan sekunder (bagi alat yang berkenaan sahaja) dan arpeggio kord/ triad primer
- Memainkan muzik secara bacaan serta merta mengikut skor
- Memainkan pelbagai jenis muzik instrumental secara solo.

Kemahiran ensemble⁶

- Memainkan instrumen muzik dalam kumpulan seperti duet, trio, kuartet, pancaragam dan orkestra
- Memainkan pelbagai jenis muzik instrumental dengan mengambil peranan dalam bahagian melodi, melodi kaunter, harmoni dan irama.

2.3 PENGALAMAN ENSEMBEL MUZIK TRADISIONAL

2.3.1 Penyertaan Dalam Ensemble Muzik Tradisional

- ◆ Memainkan pelbagai jenis lagu dan irama dalam ensemble berikut:
 - Ensemble Kompang
 - Ensemble Gamelan
 - Ensemble Muzik Tradisional lain di Malaysia⁷.

(Rujuk LAMPIRAN A)

(⁶) Ensemble seperti Orkestra, *Brassband*, *Wind-ensemble*, *Drum Corps*, *Trumpet Corps*, *Combo* dan Ensemble Muzik Kamar

(⁷) Pilihan sekolah seperti Ensemble Caklempung, Ensemble Gong Sabah/Sarawak, Orkestra Cina, Ensemble Muzik India dan ensemble muzik tempatan yang tiada kaitan dengan pemujaan.

2.4 KEMAHIRAN PERSEMBAHAN

2.4.1 Kemahiran Muzikal

- ◆ Menginterpretasi skor muzik
- ◆ Teknik *Conducting*

2.4.2 Etika Persembahan

- ◆ Tanggung jawab dan adab sebagai *performer* dan audien

ASPEK 3 : EKSPRESI KREATIF

Meneroka pelbagai sumber bunyi, mengeksperimen dan mengimprovisasi elemen muzik dan teknik permainan alat muzik bagi mereka cipta idea muzikal dan seterusnya menghasilkan karya muzik.

3.1 REKA CIPTA

3.1.1 Berkarya

- Mencipta motif dan membina frasa
- Mencipta melodi dengan menggunakan motif dan frasa
- Mencipta melodi dengan menggunakan kaedah imitasi, sekuen, ulangan, kontras dan variasi
- Menyediakan kord bagi mengiringi melodi
- Mencipta lapisan suara kedua pada melodi yang diberi
- Meletakkan ekspresi yang sesuai bagi karya yang dicipta
- Menghias melodi dengan ornamen
- Mencipta corak irama untuk perkusi tak berpici sebagai bahan iringan muzik yang diberi
- Mencipta kaden dram.

3.1.2 Mengimprovisasi dan mengeksperimen

- Menyediakan gubahan muzik daripada gabungan pelbagai bunyi bukan muzikal⁸ bagi mengiringi melodi vokal dan instrumental
- Mengubah nada (*transpose*) karya muzik yang diberi.

(⁸) Bunyi yang tidak berlaras talaannya dengan sebarang instrumen muzik berpici seperti bunyi alam, bunyi persekitaran, bunyi benda bukan instrumen muzik dan bunyi tak lazim daripada instrumen muzik.

ASPEK 4 : PENGHARGAAN ESTETIK

Mengenalpasti, menganalisis dan memperkatakan ciri-ciri positif dan negatif hasil karya dan persembahan muzik dari segi elemen muzik dan teknik persembahan. Menggunakan pengetahuan dan pengalaman muzikal untuk menyatakan idea, perasaaan, pendapat dan kecenderungan diri terhadap bahan muzik melalui laporan, penerangan dan huraian secara lisan dan bertulis.

4.1 MENGHAYATI PELBAGAI JENIS MUZIK

- ◆ Muzik Orkestra
 - *Hiroshima* (Penderecki)
 - *Symphony No.5* (Beethoven)
 - *Swan Lake* (Tchaikovsky)
 - *Pierrot Lunaire* (Arnold Schoenberg)
 - Getaran Jiwa – (Gubahan orkestra)
 - Indera Putra – (Johari Salleh)

- ◆ Muzik Popular
 - Muzik *Jazz*
 - Muzik *Rock and Roll*

- ◆ Muzik Warisan Malaysia
 - Nobat
 - Dikir Barat
 - Ghazal
 - Dondang Sayang
 - Wayang Kulit
 - Gamelan
 - Caklempong
 - Orkestra Cina Moden

- ◆ Muzik Negara Lain
 - Keroncong
 - Phi Phat
 - Muzik Karnatak

4.2 MENILAI KARYA DAN PERSEMBAHAN MUZIK

- ◆ Memberi laporan dan penerangan terhadap sesebuah karya muzik yang didengar atau persembahan muzik yang disaksikan.

KEMAHIRAN PERMAINAN ALAT MUZIK

ALAT MUZIK KONVENSIONAL

Pengalaman bermain muzik instrumental secara solo dan ensembel dengan **satu** daripada instrumen berikut:

1. Kibod elektronik

- Pengenalan bahagian-bahagian kibod dan fungsinya
- Teknik
 - Postur
 - Posisi tangan
 - Penjarian
 - Memfrasa
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan kibod elektronik - (*function buttons*)
 - Memainkan skel diatonik major dan minor harmonik/melodik satu oktaf menaik dan menurun (skel hingga 4 syap dan 4 flet)
 - Memainkan skel secara kromatik bermula pada not yang ditetapkan
 - Memainkan skel pentatonik F dan G
 - Memainkan jeda
 - Memainkan kord/triad major dan minor (tangan kiri dan kanan) secara blok
 - Memainkan secara arpeggio kord/triad primer dalam nada major dan minor (tangan kiri dan kanan)
 - Memainkan iringan auto (*fingered*)
 - Memainkan melodi berserta iringan auto
 - Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
 - Memainkan pelbagai karya muzik kibod secara solo dan ensembel

2. Piano

- Pengenalan bahagian-bahagian piano dan fungsinya
- Teknik
 - Postur
 - Posisi tangan
 - Penjarian
 - Memfrasa
 - Pedal
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan piano
 - Memainkan skel diatonik major dan minor harmonik/melodik dua oktaf menaik dan menurun (skel hingga 4 syap dan 4 flet)

- Memainkan skel secara kromatik bermula pada not yang ditetapkan
- Memainkan skel pentatonik F dan G
- Memainkan jeda
- Memainkan kord/triad major dan minor (tangan kiri dan kanan) secara blok
- Memainkan secara arpeggio kord/triad primer dalam nada major dan minor (tangan kiri dan kanan)
- Memainkan iringan secara kord blok dan *Alberti Bass*
- Memainkan melodi berserta iringan harmoni
- Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
- Memainkan pelbagai karya muzik piano secara solo dan ensemble.

3. Violin

- Pengenalan bahagian-bahagian violin dan fungsinya
- Teknik dalam permainan violin
 - Postur (berdiri atau duduk)
 - Penjarian
 - Memegang penggesek violin
 - Penghasilan ton (menggesek)
 - Memfrasa
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan violin
 - Memainkan dua oktaf skel A, C, D, F, G major dan A, D, G minor
 - Memainkan dua oktaf skel B^b Major dan minor, E^b Major dan minor, dan A^b Major dan minor pada posisi pertama dan posisi ketiga
 - Memainkan skel kromatik bermula pada not A^b, B^b dan E^b
 - Memainkan skel pentatonik F
 - Memainkan jeda
 - Memainkan arpeggio kord/triad primer bagi nada B^b Major dan minor, E^b Major dan minor, dan A^b Major
 - Memainkan not kaitan pada tali yang sama
 - Mematuhi tanda V (*up bow*) dan □ (*down bow*)
 - Memainkan tekanan (*accent*)
 - Memainkan *pizzicato*
 - Memainkan *slur*
 - Memainkan *staccato*
 - Memainkan *vibrato*
 - Memainkan melodi/ melodi kaunter
 - Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
 - Memainkan pelbagai karya muzik violin secara solo dan ensemble.

4. Gitar Folk

- Pengenalan bahagian-bahagian gitar *folk* dan fungsinya.
- Teknik dalam permainan gitar
 - Postur
 - Posisi tangan
 - Penjarian
 - *Strumming*
 - *Picking* (menggunakan *plectrum*)
 - Memfrasa
- Kemahiran dalam permainan gitar
 - Pengendalian dan penjagaan gitar
 - Memainkan skel major dan minor harmonik/melodik dua oktaf menaik dan menurun (skel hingga 4 syap dan 4 flet)
 - Memainkan skel secara kromatik bermula pada not yang ditetapkan
 - Memainkan skel pentatonik F dan G
 - Memainkan jeda
 - Memainkan secara *strumming* kord primer bagi nada major dan minor
 - Memainkan secara arpeggio (*picking*) kord primer bagi nada major dan minor
 - Memainkan melodi atau melodi kaunter
 - Memainkan iringan secara kord blok, arpeggio dan *Alberti Bass*
 - Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
 - Memainkan pelbagai karya muzik gitar secara solo dan ensemble.

5. Alat Tiup Kayu

- Pengenalan bahagian-bahagian alat tiup kayu (flut, klarinet, saksofon)
- Teknik dalam permainan alat tiup kayu
 - Postur
 - Pernafasan
 - *Embouchure*
 - Artikulasi dan penglidahan
 - Posisi Tangan
 - Penjarian
 - Penghasilan ton
 - Memfrasa
- Kemahiran dalam permainan alat tiup kayu
 - Pengendalian dan penjagaan instrumen
 - Memainkan skel major dan minor harmonik/melodik satu oktaf menaik dan menurun (skel hingga 4 syap dan 4 flet)
 - Memainkan skel secara kromatik bermula pada not yang ditetapkan
 - Memainkan skel pentatonik F dan G
 - Memainkan jeda
 - Memainkan secara arpeggio kord/triad primer dalam major dan minor
 - Memainkan melodi atau melodi kaunter
 - Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
 - Memainkan pelbagai karya muzik alat tiup kayu secara solo dan ensemble.

6. Alat Tiup Bras

- Pengenalan bahagian-bahagian alat tiup bras (trompet, trombon, tuba, *euphonium*)
- Teknik dalam permainan alat tiup bras
 - Postur
 - Pernafasan
 - *Embouchure*
 - Artikulasi – penglidahan
 - Posisi tangan
 - Penjarian (posisi *slide* bagi trombon)
 - Penghasilan ton (*buzzing*)
 - Memfrasa
- Kemahiran dalam permainan alat bras
 - Pengendalian dan penjagaan alat bras
 - Memainkan skel major dan minor harmonik satu oktaf menaik dan menurun (skel hingga 4 syap dan 4 flet)
 - Memainkan skel secara kromatik bermula pada not yang ditetapkan
 - Memainkan skel pentatonik F dan G
 - Memainkan jeda
 - Memainkan secara arpeggio kord/triad primer dalam nada major dan minor
 - Memainkan melodi atau melodi kaunter
 - Bermain secara bacaan serta merta mengikut skor
 - Memainkan pelbagai karya muzik alat tiup bras secara solo dan ensemble.

7. Alat Perkusi

7.1 Dram Getar

- Pengenalan bahagian-bahagian dram getar dan fungsinya.
- Teknik dalam permainan dram getar:
 - Postur
 - Genggaman kayu dram
 - Paluan
 - Posisi tangan
- Kemahiran dalam permainan dram getar
 - Pengendalian dan penjagaan dram
 - Paluan satuan
 - Paluan duaan dan titir terbuka
 - Memainkan tekanan (*accent*)
 - Memainkan *Flam*
 - Memainkan *Flam tap*
 - Memainkan *Flam accent*
 - Memainkan *Drag/Ruff*
 - Memainkan *Long roll*
 - Memainkan *Clozed-roll*

- Memainkan *Paradiddle* – *single paradiddle* dan *double paradiddle*
- Memainkan pelbagai jenis titir sehingga titir 15 paluan
- Bermain secara membaca serta merta mengikut skor
- Memainkan pelbagai karya muzik dram getar secara solo dan ensemble.

atau

7.2 Xilofon

- Pengenalan bahagian-bahagian xilofon dan fungsinya
- Teknik dalam permainan xilofon:
 - Postur
 - Posisi tangan
 - Paluan
 - Meredam bunyi (*dampening*)
 - Genggaman *mallet* (sehingga 4 mallet)
 - Pergerakan badan dan kaki
- Kemahiran dalam permainan xilofon:
 - Pengendalian dan penjagaan xilofon
 - Memainkan skel diatonik major dan minor harmonik/melodik dua oktaf menaik dan menurun (skel hingga 4 syap dan 4 flet)
 - Memainkan skel secara kromatik bermula pada not yang ditetapkan
 - Memainkan skel pentatonik F dan G
 - Memainkan jeda
 - Memainkan kord/triad primer bagi nada major dan minor
 - Memainkan secara arpeggio kord/triad primer dalam nada major dan minor
 - Memainkan Paluan satuan, Paluan gandaan dan Paluan silang
 - Memainkan pelbagai jenis titir sehingga titir 15 paluan
 - Memainkan melodi atau melodi kaunter
 - Memainkan iringan secara kord blok, arpeggio dan *Alberti Bass*
 - Bermain secara serta merta mengikut skor
 - Memainkan pelbagai karya muzik xilofon secara solo dan ensemble.

ALAT MUZIK TRADISIONAL MALAYSIA

1. Kompang

- Pengenalan bahagian-bahagian kompang, aksesori dan fungsinya
- Teknik
 - Postur (duduk, berdiri, berarak)
 - Memegang kompang
 - Membuat paluan

- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan kompang
 - Talaan
 - Memainkan pelbagai corak irama berdasarkan paluan melalu, paluan menyilang dan paluan meningkah
 - Bermain kompang dalam ensemble kompang dan ensemble muzik lain

2. Gamelan

Mana-mana **satu** alat utama dalam ensemble gamelan

- Pengenalan bahagian-bahagian instrumen ensemble gamelan dan fungsinya
- Teknik
 - Postur - duduk
 - Genggaman *mallet*
 - Membuat paluan (semua alat ketukan)
 - Meredam bunyi (*dampening*)
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan peralatan gamelan
 - Memainkan skel pentatonik
 - Memainkan melodi
 - Memainkan corak irama bagi gendang
 - Ragam permainan (Ngembang ; Mipil)
 - Bermain dalam ensemble gamelan

3. Caklempung

Mana-mana **satu** alat utama dalam ensemble caklempung

- Pengenalan komponen, bahagian-bahagian peralatan caklempung dan fungsinya
- Teknik
 - Postur - duduk, berdiri dan berjalan (Pacik)
 - Memegang *mallet*
 - Membuat paluan (semua alat ketukan)
 - Meniup serunai dan bangsi*
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan peralatan caklempung
 - Talaan
 - Memainkan skel diatonik dan pentatonik
 - Memainkan melodi / melodi kaunter
 - Memainkan ostinato melodi / harmoni
 - Memainkan kord primer secara arpeggio
 - Memainkan corak irama bagi gendang
 - Bermain dalam ensemble

(*) Sekiranya kepakaran boleh didapati.

4. Ensembel-Ensembel Lain**

Mana-mana **satu** alat utama dalam ensembel berkenaan

- Pengenalan komponen, bahagian-bahagian peralatan ensembel dan fungsinya
- Teknik
 - Postur
 - Cara memegang instrumen dan menghasilkan bunyi
- Kemahiran
 - Pengendalian dan penjagaan instrumen
 - Talaan
 - Memainkan skel diatonik, pentatonik atau yang berkenaan
 - Memainkan kord iringan
 - Memainkan melodi / melodi kaunter
 - Memainkan ostinato melodi / harmoni
 - Memainkan arpeggio kord primer (jika berkenaan)
 - Bermain dalam ensembel

(**) Sekiranya kepakaran boleh didapati.